

Bahagian 1:

The "Economic Man" Theory of Motivation

Di dalam sejarah manusia, dua kuasa yang menjadi motivasi utama kepada pekerja ialah ketakutan dan duit. Hamba yang membina pyramid atau pun yang membina jalan di Roman dan tangan yang mengerjakan tanah dari awal pagi hingga malam hari hanyalah mempunyai rutin harian kerja dan tidur sahaja dengan motivasi ketakutan terhadap tuan mereka di mana jika membuat perkara lain akan mengakibatkan hukuman serta merta atau pun kebuluran kepada mereka dan keluarga.

Selama beribu tahun, dunia pekerjaan telah disaluti dengan elemen ketakutan oleh bilion manusia dengan pilihan sama ada kerja teruk atau pun kematian. Koloni Amerika, petani di awal Eropah dan penduduk asli Afrika terpaksa berhadapan dengan 'kehendak alam' oleh tuan mereka ini, bekerja untuk tanah dan hutan atau gagal dan mati. Ketakutan melampau untuk hidup dan orang yang dikasihi telah mendominasi sejarah manusia sebagai motivator yang pasti dan cepat.

"A Day's Work for a Day's Pay"

Wang merupakan suatu motivator. Pembayaran untuk pekerjaan merupakan cara yang lebih bertamadun daripada ketakutan semula jadi terhadap kebuluran, penyakit dan kematian. Jika anda bekerja keras, majikan akan membayar anda duit untuk makanan, tempat tinggal, perubatan dan penerusan hidup kerana tanpa ia anda dan keluarga akan mati.

Daripada pendekatan "carrot and stick", ahli ekonomi dan pengurus kilang membuat anggapan yang dipanggil "economic man" yang terletak di dalam motivasi manusia sebagai: sebab utama pekerja bekerja di kilang dan ladang adalah kerana keperluan ekonomi, untuk mendapatkan pekerjaan yang stabil dan membawa pulang gaji untuk keperluan keluarga. Slogan, "A day's work for a day's pay" dan tiada maksud lain memberi kesimpulan sikap majikan kepada motivasi pekerja walaupun pada awal abad ke – 20 di kilang Inggeris dan Amerika.

Kuasa penuh majikan untuk menggaji, membayar, menghukum dan memecat.

Majikan dan pengurus mengandaikan bahawa kewajipan mereka kepada pekerja ialah membayar gaji yang setimpal yang ditetapkan secara ketat oleh kuasa pasaran permintaan dan pembekalan. Sebarang pembayaran yang lebih daripada setimpal adalah merupakan pembaziran ekonomi dan ganjaran seperti pujian untuk hasil kerja yang baik, pengurusan keselamatan atau kebersihan, penglibatan dalam membuat keputusan, perubahan, kemudahan pencen, keadaan kerja yang selesa, percutian dan sebagainya.

Mengetahui realiti pasaran kerja, pekerja menjangka tidak akan mendapat lebih daripada apa yang diberi. Di dalam era di mana insuran perubahan dan gantirugi pemberhentian tidak diketahui, kesinambungan keluarga pekerja adalah bergantung kepada kesetiaan yang tidak dipersoalkan kepada peraturan majikan dan pengawasan kerja gigih oleh penyelia. Motivasi pekerja adalah mudah dan pasti. Majikan tidak memerlukan motivator selain daripada kuasa penuh untuk menggaji, memecat dan menghukum dengan menahan pembayaran gaji sebagai penalty untuk hasil kerja yang tidak baik atau melanggar peraturan. Sebarang bantahan yang berani terhadap majikan akan menyebabkan mereka kebuluran dan tiada tempat tinggal. Seperti raja dahulu kala yang berkuasa untuk membuat keputusan serta merta tanpa membuang masa terhadap penilaian semula dan rayuan, siapa hidup dan mati pada waktu dan bagaimana merupakan majikan di tempat kerja di serata dunia merupakan kuasa mutlak. Majikan di tempat kerja adalah raja.